

Tiada tempat bagi pemimpin yang penting diri

Dr. Mahathir

UM 7 AUG 1985

BUKIT MERTA JAM 6
Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pemimpin parti Barisan Nasional bahawa tidak ada tempat bagi mereka yang memisahkan diri dengan masyarakat kerana mengutamakan kedudukan masing-masing.

Beliau juga mengingatkan mereka supaya jangan terlalu leka dengan kerja-kerja lain sehingga tidak mempunyai masa untuk bertemu rakyat kecuali ketika menjelang pilihanraya sahaja.

"Jangan ada pemimpin dari mana-mana parti komponen Barisan Nasional ataupun parti UMNO, MCA, MIC, Gerakan, SUPP atau pun sesiapa jang ada pemimpin yang mengutamakan kedudukan diri sendiri," katanya di perhimpunan rakyat yang dihadiri oleh kira-kira 10,000 orang di padang Sekolah Kebangsaan Guar Perahu tengah hari ini.

Tegasnya, para pemimpin parti sepatutnya mengabdikan diri mereka menjadi hamba kepada parti kerana parti itu adalah hamba kepada negara dan

kita patut memperhambakan diri kepada perjuangan untuk negara yang akan menentukan maju mundurnya negara dan keselamatan agama.

Beliau yang juga pengerasi Barisan Nasional berkata, perhubungan rapat rakyat dan pemimpin adalah perlu kerana ia menjadi asas keamanan dan kemajuan negara di mana perhatian terhadap soal politik adalah penting tetapi jangan pula terlalu taksub kepada politik.

Kukuh

"Perhubungan pemimpin, rakyat penting kerana jika pemimpin terpisah dari rakyat, maka rakyat sukar menerima pemimpin dan pemimpin mesti mendekatkan diri dengan rakyat dan jangan cuma dekatkan diri dengan rakyat apabila sampai pilihanraya sahaja," katanya lagi.

Menurut beliau lagi, negara kita maju kerana terdapat minat untuk mewujudkan parti yang kukuh dan kuat sehingga sekarang parti-parti komponen Ba-

risan Nasional terus kukuh walaupun terdapat sedikit masalah tetapi masalah itu akan diselesaikan secepat mungkin.

"Saya harap mereka yang terlibat akan menerima keputusan - keputusan, segala rundingan ataupun mesyuarat yang dibuat," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, setiap seseorang pemimpin parti Barisan Nasional mesti menerima keputusan yang dibuat oleh suara ramai kerana suara ramai merupakan asas pentadbiran negara dan juga pentadbiran parti-parti kita.

"Kita tidak mahu sesiapa mentadbir parti atau negara berasas kepada kepentingan dirinya, tidak ada tempat kepada orang-orang seperti ini sesiapa juga yang disukai orang ramai, ia akan jadi pemimpin, jika ditolak maka kita mesti sanggup secara baik berundur," katanya lagi.

Perdana Menteri menegaskan, pengunduran secara baik tidak bermakna satu penghinaan sebaliknya beberapa pemimpin yang berundur dengan baik di masa lalu diberi sanjungan seperti Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn.

Perdana Menteri juga mengajak rakyat memelihara keamanan dan kejayaan negara yang ada sekarang hasil wujudnya sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui sistem demokrasi dan konsep kerjasama dan rundingan.

Beliau berkata, negara telah banyak mencapai kejayaan tetapi apa yang mendukacitakan kerana kejayaan itu dilihat seolah-olah terjadi begitu sahaja dengan mudah sehingga timbul rasa angkuh dan sombong kerana memikirkan keadaan kejayaan yang ada akan berkekalan.

Disebabkan keangkuhan tersebut timbul rebutan-rebutan tempat yang tidak sihat sama ada perebutan sesama parti atau dengan parti lawan atau ahli-ahli parti sesama ahli parti.